

WARISAN TAK KETARA KEDAH: KAJIAN GIS DIALEK MELAYU KEDAH

Fazal Mohammed Mohammed Sultan
Lam Kuok Choy
Al-Amril Othman
Amir Imran bin Jamil

ABSTRAK

Kemajuan teknologi pada hari ini telah memperlihatkan satu dimensi baharu kepada kajian dialek khususnya di Malaysia. Sehubungan dengan itu, teknologi Geographical Information System (GIS) diguna pakai dalam kajian ini bagi menghasilkan peta variasi dialek Melayu di Kedah. Kajian geolinguistik ini bermula dengan pengumpulan data leksikal yang dibuat menerusi kajian lapangan di 135 buah kampung bagi keseluruhan daerah di negeri Kedah berdasarkan kaedah soal selidik dan rakaman. Seramai 892 responden yang terdiri daripada generasi tua dan muda disoal selidik. Kajian ini juga mengaplikasikan penggunaan teknologi yang berbantuan GIS iaitu ArcGIS dalam menjana peta penyebaran leksikal bagi dialek Melayu di negeri Kedah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa taburan bagi leksikal 'punggung' dan 'kerbau' sebenarnya mempunyai polanya yang tersendiri. Hal ini dapat dikukuhkan lagi dengan pembuktian GIS iaitu maklumat-maklumat geografi atau bentuk muka bumi seperti sungai, paya, gunung, bukit dan hutan boleh menjadi faktor penentu kepada penyebaran dialek Melayu di Kedah. Keadaan ini menunjukkan bahawa penyebaran leksikal bagi sesuatu dialek akan mudah tersebar sekiranya terdapat ruang (spatial) yang memudahkannya tersebar ke kawasan yang berhampiran. Selain itu, faktor bukan bahasa (non-linguistics) juga dikenal pasti membawa kepada kerencaman leksikal dialek Melayu di Kedah.

Kata kunci: GIS, geolinguistik, dialek, isogloss, variasi leksikal

PENGENALAN

Dialek merupakan satu bentuk kod yang dipertuturkan oleh sekumpulan manusia dalam kalangan masyarakat yang saling memahami pertuturan itu. Asal usul perkataan dialek boleh dijejaki sehingga ke zaman Yunani. Ini adalah kerana perkataan dialek ini mempunyai persamaan dengan perkataan dalam Yunani iaitu *dialektos* yang bermakna 'manner of speech'. 'Manner of speech' bermakna sifat suatu ujaran. Justeru, dialek boleh diertikan sebagai sifat perbezaan sesuatu bahasa yang diujarkan oleh sejumlah penutur natif di kawasan yang tertentu tanpa berpandukan sempadan politik yang telah dilakarkan oleh kerajaan sebuah negara. Malah perbezaan dialek di sesuatu kawasan adalah suatu perkara yang lumrah tetapi sekiranya perbezaan tersebut tidak mengganggu komunikasi maka dialek-dialek tersebut boleh diandaikan wujud daripada satu bahasa yang sama. Menurut Meillet (1967), wujudnya perbezaan sebutan dalam sesuatu dialek namun tidak mengganggu pemahaman adalah sesuatu yang lumrah dalam dialek-dialek daripada bahasa yang sama. Namun sekiranya wujud satu perbezaan yang sangat ketara di antara satu dialek dengan dialek yang lain sehingga kedua-dua penutur dialek tersebut tidak memahami di antara satu sama yang lain maka kedua-dua dialek tersebut diandaikan wujud daripada dua bahasa yang berbeza. Perbezaan dialek atau dalam kalangan dialek tersebut merupakan satu unsur yang menarik untuk dikaji. Malah pelbagai kajian ke atas dialek yang melibatkan pelbagai bidang linguistik telah dilakukan.

Pelbagai definisi terhadap dialek telah diberikan oleh pakar-pakar bahasa tempatan dan luar negara yang turut melibatkan geografi sempadan sesebuah negeri dalam sebuah negara. Asmah (1993) menegaskan bahawa dialek boleh terdiri daripada sebahagian daripada bahasa yang dituturkan oleh sesebuah penduduk di sesuatu penempatan. Dialek juga turut diertikan berpandukan kosa kata, tatabahasa dan ciri-ciri penyebutan untuk membezakan satu ragam bahasa daripada ragam-ragam yang lain dalam daerah geografi itu. Justeru, wujud perbezaan dari segi dialek untuk suatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Malah menurut Asmah (1993), Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan mempunyai dialek-dialek yang berbeza mengikut daerah. Melalui perbincangan ini, kita dapat simpulkan bahawa dialek dan sempadan politik iaitu sempadan geografi pentadbiran sesebuah negeri mempunyai hubungan yang rapat.

Justeru, kajian ke atas dialek Melayu perlu dilakukan untuk menghalusi penyebaran pelbagai dialek Melayu yang tidak menghormati persempanan politik. Di zaman Industri Revolusi 4 ini membolehkan kajian secara saintifik dapat dijalankan ke atas dialek Melayu menggunakan perisian *Geographical Information System* (GIS). GIS berpotensi untuk memaparkan maklumat bentuk muka bumi sesuatu tempat. Perisian ini juga berupaya untuk menerima data linguistik. Justeru sistem ini dapat memetakan penyebaran dialek Melayu dengan sangat tepat.

Memandangkan perisian ini merupakan perisian yang dapat memberikan lakaran tepat ke atas dialek dalam peta Malaysia, maka penulisan ini akan mengaplikasikan GIS untuk menganalisis distribusi dialek Melayu. Sistem ini mempunyai kelebihan untuk memaparkan penyebaran dialek Kedah dengan tepat dan membantu untuk menggambarkan kerencaman dialek yang telah disebut oleh pengkaji lepas secara saintifik. Penemuan yang saintifik itu akan dapat memaparkan taburan penutur dialek Melayu Kedah. Penemuan ini akan membahaskan secara saintifik penyebaran dialek Melayu Kedah yang sebelum ini hanya dilakarkan dengan tangan.

KAJIAN LEPAS

Kajian dialek umum merupakan kajian yang bersifat deskriptif yang membincangkan mengenai dialek secara menyeluruh dan bersifat umum. Dengan kata mudahnya, kajian yang bersifat umum ini kebanyakannya hanya memfokuskan kepada semua dialek di Malaysia sama ada di semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Bermakna, huraian dan penjelasan bagi kajian dialek umum tidak hanya menumpukan kepada satu aspek, bidang dan disiplin sahaja, sebaliknya diperjelaskan secara menyeluruh fenomena-fenomena yang berlaku terhadap dialek yang dikaji dan diteliti. Walau bagaimanapun, kajian seperti amat penting untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, beberapa kajian dialek seperti Asmah Haji Omar (1993), Collins (1996) dan Ismail Dahaman (1997) telah dikelompokkan sebagai kajian dialek yang bersifat umum.

Setiap bidang ilmu pasti ada sumber rujukan yang paling dominan dan kerap dirujuk apabila dibicarakan tentang ilmu tersebut. Satu rujukan yang paling penting itu merupakan "Susur Galur Bahasa Melayu" penulisan Asmah Haji Omar (1993). Berdasarkan pemerhatian penulis, didapati kajian beliau ini lebih bersifat umum kerana membincangkan perihal semua dialek yang terdapat di Malaysia. Malah, perbincangannya berkenaan dengan satu-satu dialek termasuklah dialek Kedah hanya disentuh secara umum berkenaan dengan aspek morfologi, fonologi dan sintaksis.

James T. Collins tidak lagi asing dalam dunia linguistik di Malaysia, khususnya dalam bidang dialek geografi. Antara kajian umum yang dilakukannya ialah menerusi "Wilayah Dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara". Kajian yang dilakukan oleh Collins (1996) adalah untuk menyemak bukti sama ada 'bahasa Orang Laut' termasuk dalam subdialek Kedah atau tidak. Collins membuat perbandingan secara ringkas antara dialek Kedah dan "Bahasa Orang Laut" melalui empat aspek iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan kosa kata. Dapatan kajian beliau menyatakan bahawa terdapat banyak persamaan antara dialek Kedah dengan 'bahasa Orang Laut'. Daripada hasil kajiannya, beliau menyatakan status 'bahasa Orang Laut' sebagai subdialek Kedah. Sebelum itu, beliau telah membuat perbandingan tentang peta yang dihasilkan oleh Ismail Hussein (1973). Ismail (1973) telah menerangkan dialek Kedah sebagai dialek persisiran dan kepulauan.

Jika pengkaji sebelum ini meneliti kawasan yang lebih besar, Ismail Dahaman (1997) memfokuskan Kedah. Menarik sekali apabila beliau berjaya mengumpulkan ratusan perkataan dan ayat dialek negeri ini dalam bukunya yang bertajuk "Glosari Dialek Kedah". Yang membuatkan glosari ini lebih menarik ialah diterangkan makna dan cara sebutannya menerusi transkripsi fonetik yang disediakan. Tambahan pula, setiap perkataan diterangkan penggunaannya dalam ayat dialek dan dibawakan juga padanan dalam ayat baku.

Kajian dialek dan teknologi adalah kajian terkini yang melibatkan bahasa dan penggunaan aplikasi yang berbantuan GIS iaitu Sistem Maklumat Geografi. Kajian ini dikenali sebagai kajian geolinguistik. Pengkaji dari Jepun ini, Takuichiro Onishi (2010) berpendapat maklumat geografi - yang selalu dipinggirkan oleh pengkaji lepas - memainkan peranan yang penting terhadap penyebaran dialek. Menerusi sebuah artikel bertajuk "Analyzing Dialectological Distribution of Japanese", beliau menyatakan terlalu banyak informasi yang perlu diambil kira apabila satu-satu kajian dialek geografi atau geolinguistik dilakukan. Dalam artikelnya, Onishi (2010) menekankan dua faktor yang jarang disentuh oleh pengkaji lepas. Dua faktor tersebut ialah altitud atau ketinggian bentuk muka bumi dan kepadatan penduduk. Menurut beliau, dua aspek ini sangat mempengaruhi penyebaran dialek. Onishi berjaya menunjukkan pengaruh dialek tertentu dalam kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai. Onishi juga menunjukkan ketinggian memainkan peranan dalam penyebaran dialek.

Srivilai Teerarojanarat dan Kalaya Tingsabadh (2011) telah menerbitkan artikel yang bertajuk "A GIS-Based for Dialect Boundary Studies". Dalam kajian ini, mereka menggunakan teknik tindihan (overlay) bagi menunjukkan penggunaan dan sebaran leksikal dialek yang digunakan.

Nor Hashimah Jalaluddin (2015) dalam artikelnya yang bertajuk "Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik" telah diterbitkan. Artikel ini menjelaskan kajiannya terhadap satu subdialek Melayu di Perak yang dikenali sebagai dialek Patani. Beliau telah mengemblengkan faktor bentuk muka bumi atau topografi, sejarah, migrasi dan ruang bersama fakta linguistik bagi menjawab bagaimana sesuatu dialek boleh tersebar.

Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017), menerusi kajian "Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik" mendakwa bahawa elemen linguistik boleh digabungkan bersama dengan faktor bukan bahasa seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Menurut beliau bentuk muka bumi dan ruang merupakan salah satu faktor kepada penyebaran dialek iaitu seperti kawasan tinggi yang berbukit dan bergunung serta kawasan rendah dan bertanah pamah.

Tesis Maizatul Hafizah yang bertajuk "Variasi Leksikal Dialek Di Langkawi : Analisis Geolinguistik" mengkaji penyebaran dialek di Pulau Langkawi. Maizatul (2016) turut menghuraikan beberapa faktor bukan geografi seperti penghijrahan atau migrasi. Beliau mengaitkan peranan Pulau Langkawi sebagai pusat tumpuan ekonomi dan pelancongan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mukim yang masih menggunakan dialek Melayu Kedah asli adalah di kawasan mukim Padang Matsirat, mukim Bohor, mukim Kuah serta kampung Teluk Yu iaitu mukim Ayer Hangat. Manakala, mukim Ulu Melaka dan kampung Padang Lalang, mukim Ayer Hangat merupakan kawasan yang wujudnya penutur yang menggunakan dialek Melayu Satun. Terakhir di mukim Kedawang iaitu kawasan yang terdapatnya majoriti penutur menggunakan dialek Melayu Patani. Beliau turut menyimpulkan pola ini cukup mantap untuk membuktikan wujudnya penghijrahan masyarakat Siam ke Langkawi, tidak kira dari Satun mahupun Patani di ketiga-tiga kawasan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada pola peralihan dialek bagi leksikal [punggung] dan [kerbau] dengan menggunakan pendekatan yang berbantuan GIS di Kedah Darul Aman. Kajian ini akan melibatkan responden yang ramai supaya objektif kajian dapat dicapai dengan sempurna. Justeru, jadual penemuan dan kawasan kajian menjadi titik perancangan yang amat penting supaya responden adalah responden yang menepati syarat kajian iaitu penutur natif di kampung yang dilawati. Responden dalam kajian ini akan terdiri daripada penduduk tetap di sub-daerah dan kampung-kampung yang telah dikenal pasti. Untuk memastikan kesahihan responden, pengkaji telah menjalankan satu kajian awal iaitu melawat Penghulu di setiap mukim supaya Ketua Kampung setiap kampung dapat dikenal pasti. Ketua Kampung yang telah dikenal pasti pula membantu pengkaji untuk menentukan penutur asli Melayu di kampung masing-masing. Kajian ini yang merangkumi 11 daerah ini telah melibatkan 136 buah kampung. Jumlah responden melibatkan 1000 orang responden.

Selain itu, penulis turut merujuk kepada kriteria *NORM's* yang dibahaskan oleh Chambers dan Trudgill (1990), iaitu yang membincangkan berkaitan dengan perincian terhadap pemilihan seseorang responden. Akronim *NORM's* yang diperkenalkan oleh mereka ialah *Non-Mobile*, *Old*, *Rural* dan *Men*. Walaupun kriteria ini dijadikan panduan oleh pengkaji dalam memilih seseorang responden yang ingin ditemubual, namun pengkaji juga melakukan sedikit penginovasian terhadap kriteria *NORM's* yang dirujuk.

Kriteria pertama yang dibahaskan dalam *NORM's* ialah *Non-Mobile* iaitu penutur yang tidak berpindah-randah atau berhijrah daripada tempat lahirnya ke tempat yang lain. Kebanyakan responden yang dipilih adalah individu atau penduduk yang menetap secara kekal dalam sesuatu jangka masa yang lama di kampung tersebut. Oleh itu, penduduk asli Kedah dipilih sebagai reponden dalam penyelidikan ini. Kedua, *Old* iaitu penutur tua. Walaupun penutur tua difokuskan dalam kriteria ini, namun responden yang dipilih dalam penyelidikan ini juga terdiri daripada kumpulan remaja, dewasa dan orang tua. Kelompok umur ini dipilih bagi memperlihatkan variasi penyebaran leksikal bagi perkataan-perkataan yang digunakan di kawasan yang dikaji. Sekiranya, pengkaji hanya menemubual warga tua sahaja seperti yang dibahaskan oleh Chamber dan Trudgill (1990), ia mungkin akan memperlihatkan kurangnya penyebaran variasi leksikal yang ingin dikaji.

Tambahan lagi, pengkategorian umur ini dibuat berdasarkan beberapa sumber seperti Depkes RI (2009). Pengertian umur menurut Depkes RI (2009) terbahagi kepada sembilan iaitu masa bawah lima tahun atau balita (*golden age*) berumur 0 hingga 5 tahun, masa kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun, masa remaja awal berumur 12 hingga 16 tahun, masa remaja akhir berumur 17 hingga 25 tahun, masa dewasa awal berumur 26 hingga 35 tahun, masa dewasa akhir 36 hingga 45 tahun, masa lansia (lanjut usia) awal berumur 46 hingga 55 tahun, masa lansia akhir berumur 56 hingga 65 tahun dan akhir sekali masa manula (sangat tua) berumur 65 tahun ke atas

Seterusnya ialah *Rural*, iaitu menetap di luar bandar ataupun di kampung. Kriteria ini penting bagi mengelakkan pengaruh bahasa atau dialek luar. Akhir sekali ialah *Men*. Penutur lelaki dikatakan jarang berpindah ke dibandingkan dengan penutur perempuan. Hakikatnya sekarang, lelaki yang sentiasa berkerja di luar dari kampung halaman. Jadi, untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua jantina, iaitu lelaki dan perempuan dalam pemilihan responden. Perkara ini turut ditegaskan oleh Ajid Che Kob (1984) bahawa perempuan lebih asli dialek pertuturannya berbanding lelaki.

Seterusnya, penulis hanya memfokuskan kepada dua (2) leksikal sahaja iaitu leksikal 'punggung' dan 'kerbau'. Pemilihan kedua-dua leksikal ini dibuat berdasarkan beberapa faktor. Antaranya ialah kesemua leksikal ini mempunyai variasi sebutan yang banyak iaitu melebihi lima. Kebanyakan leksikal yang turut diuji dan dikaji hanya mendapat lima variasi dan ke bawah. Variasi yang banyak menunjukkan leksikal ini kerap dan meluas penggunaannya. Proses analisis kedua-dua leksikal ini melibatkan penggunaan teknologi komputer. Teknologi yang terlibat ialah penggunaan perisian Microsoft Excel dan ArcGIS. Proses ini akan melibatkan dua proses. Proses pertama ialah proses pengumpulan data. Proses yang rumit ini akan dilakukan secara manual sebelum kesemua data tersebut dipindahkan ke dalam perisian Excel. Setiap variasi yang dibezakan itu akan disenaraikan di dalam perisian Excel. Selepas proses pemindahan selesai, proses seterusnya ialah proses pembersihan. Data di dalam fail excel akan dibersihkan beberapa kali selepas rakaman dimainkan beberapa kali. Seterusnya data yang bersih dan lengkap di dalam fail excel dipindahkan ke dalam perisian ArcGIS Tools.


Perisian ArcGIS Tools ialah sebuah perisian di dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS). Perisian ini mempunyai kebolehan untuk menyatukan data linguistik bersama-sama dengan Alat Analisis Spasial di dalam ArcGIS untuk menghasilkan satu dapatan yang jitu. Perisian ini mempunyai kebolehan untuk menyelesaikan masalah dalam pendekatan konvensional bahasa yang memaparkan peta yang kurang tepat. ArcGIS mampu untuk menghasilkan garis-garis pemisah sub dialek yang dikenali sebagai isoglos. Pemisahan ini dapat dipetakan secara sistematik untuk mewakili sub-dialek yang terdapat di Kedah. GIS mempunyai pelbagai kelebihan kerana di dalamnya terdapat maklumat topografi dan data statistik. Maklumat topografi terdiri daripada trafik, ketinggian dan kampung-kampung manakala data statistik pula terdiri daripada demografi dan taburan hujan. Maklumat ini dapat digabungkan dalam peta yang sama dengan data penyebaran dialek (Onishi, 2010). Metodologi ini membantu menggambarkan pola-pola penyebaran leksikal untuk membentuk isoglos baru serta membuktikan cara sesuatu leksikal berkembang dan berubah berpandukan perbezaan ruang di sesuatu kawasan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan GIS dan penyebaran dialek di Kedah, kajian ini akan membincangkan mengenai analisis bukan linguistik seperti faktor sejarah, faktor migrasi dan sebagainya. Tambahan lagi, dalam artikel ini penulis juga menumpukan penganalisan dari aspek muka bumi dan ruang dan seterusnya menghasilkan pemetaan *isogloss* dan *choropleth* bagi kedua-dua leksikal yang dikaji dalam kalangan penutur di negeri Kedah.

FAKTOR BUKAN LINGUISTIK

Faktor seperti faktor migrasi, sejarah, umur, jantina, taraf pendidikan, perkahwinan dan sebagainya turut menyumbang kepada kerencaman dialek dalam kalangan penduduk kampung di Kedah. Faktor bukan linguistik ini dilihat turut mempengaruhi pelbagai varian yang digunakan oleh penutur dialek di Kedah. Keadaan ini dapat dijelaskan dengan paparan peta bawah yang memperlihatkan taburan pelbagai varian bagi leksikal ‘punggung’ dan ‘kerbau’ di negeri Kedah berserta dengan beberapa faktor yang mempengaruhi penyebaran leksikal tersebut.



Peta 1: Peta *Choropleth* Varian Leksikal ‘Punggung’ di Negeri Kedah



Peta 2: Peta Choropleth Varian Leksikal 'Kerbau' di Negeri Kedah

A. FAKTOR SEJARAH

Salah satu daripada dapatan yang menggambarkan variasi dalam leksikal dialek Kedah ialah faktor sejarah. Faktor sejarah bermaksud pengaruh bahasa asing yang menular ke dalam dialek Kedah. Disebabkan itu, wujud pelbagai varian bagi leksikal 'punggung' dan kerbau' dalam kalangan penutur dialek Melayu di negeri Kedah. Faktor utamanya ialah Kedah kedudukan di selatan Thailand. Faktor ini membantu Kesultanan Kedah mengeratkan perhubungannya dengan Kerajaan Siam. Status perhubungan yang erat itu terbahagi kepada hubungan yang positif dan negatif. Hubungan positif adalah merangkumi hubungan diplomatik dan politik sesama kerajaan yang melibatkan perekonomian, perdagangan dan perkahwinan diraja. Namun hubungan positif ini berubah menjadi hubungan yang negatif apabila Siam berpendirian bahawa Kedah perlu ditakluki. Justeru, hubungan yang baik berubah menjadi pernaungan dan penaklukan. Ini telah mencetuskan krisis di dalam hubungan dua hala kedua-dua negara sehingga berlakunya peperangan dan diikuti dengan gerakan memprotes oleh rakyat. Negara Siam telah mewajibkan pembayaran pampasan yang berupa bunga emas dan perak diikuti dengan pertukaran hadiah-hadiah serta surat-menyurat sebagai tanda Kedah telah dikuasai. Berpandukan peraturan dan adat kesemua perkara tersebut wajib dilaksanakan setiap 3 tahun sekali. Di samping peraturan ini Kedah juga wajib bersedia untuk memberikan bantuan seperti perkhidmatan tentera, tenaga buruh dan bekalan makanan (Muhd. Yusof Hashim 1980). Namun, Kedah mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Kerajaan Siam. Kedah berpandangan bahawa Siam sebagai 'jiran' yang perlu dihormati. Justeru, untuk meraikan sifat sebagai jiran, Kedah sentiasa menghulurkan hadiah sebagai tanda persahabatan sahaja.

Kerajaan Shukotai telah menguasai Kedah sejak abad ke-12 lagi. Perkara yang sama juga terjadi kepada negeri-negeri Melayu Utara lain. Wheatley (1961) berpendapat bahawa penaklukan ini berlaku di atas faktor agama, bangsa dan budaya. Wheatley membahaskan bahawa ketiga-tiga faktor ini menyebabkan negara Siam mengambil keputusan untuk menguasai Kedah. Salah satu daripada syarat dinaungi ialah Kedah harus menghantar ufti. Sebaliknya, Bonney (1971) menolak pendapat bahawa ufti sebagai tanda penguasaan oleh Siam. Ini berpandukan catatan di dalam Hikayat Merong Mahawangsa yang menjelaskan bahawa Kedah pernah menghantar bunga emas dan perak kepada Siam sebagai hadiah kepada Raja Siam yang baru mendapat anak lelaki, maka, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah penjajahan bukan bererti memberikan hadiah (Mohd Isa Othman, 1999). Di antara abad ke-18 dan abad ke-19, pihak Siam dan Burma memberikan tekanan yang hebat terhadap Kedah kerana kerakusan kerajaan Siam dan Burma untuk menakluki negeri-negeri Melayu yang berada di utara Tanah Melayu. Untuk mencapai satu penyelesaian yang menyeluruh, Kedah berubah ke dasar yang dikenali sebagai 'dasar suai-faedah'. Dasar ini bermakna Kedah tidak akan berpihak atau tunduk kepada mana-mana pihak. Tindakan yang bijak untuk mengelak daripada masalah dan kehilangan negara, Kedah membentuk strategi sama berat iaitu menerima kebesaran kedua-dua negara.

Negeri-negeri Melayu sentiasa mencari peluang untuk membebaskan diri daripada penguasaan Siam dan Burma apabila wujud kesempatan yang berpihak kepada negeri-negeri tersebut. Satu satu peluang ialah pada abad ke-18, apabila Burma (Ava) berperang dengan Siam. Kekecohan itu membolehkan Sultan Kedah menunjukkan sokongan kepada kedua-dua negara. Sebagai contoh, pada tahun 1767, Kedah menghantar hadiah yang berupa bunga emas dan perak kepada 'Awak' (panggilan kepada Ava oleh Kedah) apabila Kerajaan Siam kalah kepada kerajaan Burma. Seterusnya, Sultan Kedah merancang strategi sampingan apabila beliau mendapatkan bantuan Inggeris melalui perjanjian untuk menyelamatkan Kedah daripada serangan Burma dan Siam. Melalui perjanjian ini, Inggeris berjanji untuk memberikan bantuan ketenteraan kepada Kedah.

Pada awal abad ke-19, persahabatan di antara Kedah dan Siam merupakan persahabatan yang erat. Sultan Ahmad Tajuddin II (1803-1842) merupakan pemimpin pada abad tersebut. Beliau mengambil langkah berjaga-jaga dengan membantu Siam dalam banyak perkara yang melibatkan strategi peperangan seperti menyediakan jumlah tentera yang ramai untuk menyerang kawasan-kawasan lain. Sebagai contohnya, Kedah memberikan bantuan kepada Singgora untuk menyerang Patani pada tahun 1808. Seterusnya, Kedah juga membantu menyerang Perak pada tahun 1810 dan 1818. Peperangan dengan Burma juga dibantu oleh Kedah pada tahun yang sama. Tindakan bijak baginda membuahkan hasil apabila bantuan beliau kepada Siam, Kedah dihargai. Sultan Kedah dianugerahkan gelaran Chao Phraya sebagai balasan kepada semua bantuan beliau kepada Siam. Namun kepercayaan tersebut bertukar kepada syak wasangka apabila Kerajaan Kedah dituduh membantu Burma sekitar tahun-tahun 1820-an.

Menurut Kobkua Suwannathat-Pian (1991), sebagai tanda menunjukkan hormat dan persahabatan, negeri-negeri di bawah perlindungan Siam menggunakan unsur diplomatik yang terbaik iaitu bunga emas. Salah satu daripada contoh yang jelas ialah cara Kedah bernaung di bawah Siam. Tanda hubungan antara dua negeri tersebut dibuat melalui penghantaran ufti bunga emas dan bunga perak. Walaupun negeri yang kecil seperti Kedah menghantar bunga emas kepada Siam, Kedah juga mendapat hadiah balasan daripada kuasa besar itu sebagai tanda kebesaran dan kemuliaan Raja Siam dan negerinya itu. Jadi, melalui faktor sejarah ini tidak hairanlah terdapat pengaruh dialek Siam dan Patani di negeri Kedah.

B. FAKTOR PERKAHWINAN POLITIK

Satu usaha pendamaian telah dilakukan oleh Sultan Kedah untuk mengelakkan krisis yang berpanjangan. Untuk mengukuhkan hubungan dua hala kerajaan, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854 hingga 1879) cuba untuk mengubah suasana politik dengan negara Siam. Beliau mengorak langkah yang sangat proaktif untuk memperkukuhkan perhubungan Siam dan Kedah melalui perkahwinan pada tahun 1855. Beliau mengahwini Sri Suriyawong (Samdet Chao Phraya) yang bernama Wan Jah binti Luang anak angkat Perdana Menteri Thai Chao Phraya. Perkahwinan ini telah menjadi perkahwinan politik yang telah memperbaharui perhubungan di antara Kedah dan Siam. Malah hubungan diplomatik ini telah diperkukuhkan apabila beliau telah menitahkan sebuah jalan dibina untuk menghubungkan Kedah dengan Singgora, di selatan Siam pada tahun 1862. Pembinaan jalan yang telah mengambil masa selama tiga tahun telah membuka satu lembaran yang baru kepada pengembangan ekonomi kedua-dua pentadbiran.

Pertalian hubungan diplomatik tidak terhenti di situ sahaja. Malah lawatan diplomatik oleh para pembesar daripada kedua-dua negara telah membantu mengeratkan lagi hubungan dua hala. Justeru, para pembesar negeri Kedah dan Siam saling melakukan lawatan diplomatik di antara satu sama yang lain. Malah, apabila upacara-upacara rasmi diadakan, baginda tidak melepaskan peluang untuk turut serta melalui lawatan rasmi dan tidak rasmi di Siam. Lawatan kali pertama oleh Raja Chulalongkorn telah dilakukan pada tahun 1871 apabila beliau pulang dari melawat India (Kobkua Suwannathat-Pian 1991). Selepas Sultan Ahmad Tajuddin mangkat, bermula tahun 1881, takhta diraja Kedah diganti oleh Sultan Abdul Hamid sehingga tahun 1943. Beliau telah meneruskan hubungan yang baik dengan Siam. Hubungan ini diperbaharui dengan Siam apabila baginda mengahwini empat puteri Siam termasuk Spechandra, Larasih dan Manjalara. Konsul Siam di Pulau Pinang turut memainkan peranan sebagai penghubung kepada hubungan baik dengan Siam yang dibuat terus ke Bangkok. Melalui dasar Siam, pengiktirafan Sultan Kedah tidak dilupai. Maharaja Siam melalui Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan dasar 'Thesaphiban' pada tahun 1882. Dasar tersebut adalah bagi melaksanakan dasar pemusatan kuasa iaitu beberapa daerah disatukan ke dalam 'monthon' yang dikawal oleh 'Khaluang Thesaphiban' seperti Pesuruhjaya Tinggi. Jawatan itu dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Negeri-negeri Melayu Utara juga tidak ketinggalan dalam dasar ini apabila Setul, Perlis dan juga Kedah dicantum semula ke dalam satu pemusatan kuasa yang dikenali 'Monthon Saiburi' dan Sultan Abdul Hamid dilantik sebagai 'Khaluang Thesaphiban'nya.

C. FAKTOR KEGAWATAN EKONOMI

Menurut Ismail Hamid (1988), semasa zaman pentadbiran Sultan Abdul Hamid, berlaku suasana kegawatan ekonomi. Suasana kegawatan ekonomi itu berlaku pada awal abad ke-20. Disebabkan hubungan yang erat dengan kerajaan Siam, maka Maharaja Siam telah membantu baginda sultan tersebut dengan bantuan kewangan sebanyak \$2,600,000 (dalam nilai ringgit Selat) dengan kadar faedah 6%. Bantuan kewangan yang diberikan itu telah dimaterikan melalui satu perjanjian pinjaman. Melalui perjanjian tersebut, Kedah terpaksa menerima Penasihat Kewangan Siam pada bulan Mac 1905. Kedah menerima dua orang penasihat tersebut iaitu W. F. Williamson dan digantikan pula oleh G. C. Hart. Hart merupakan bekas pentadbir British di India.


Berdasarkan kepada laporan tahun oleh pentadbir Inggeris di Kedah (1906), Sultan Abdul Hamid juga telah diminta mengadakan satu badan khas bagi melicinkan pentadbiran baginda di Kedah. Badan khas tersebut ialah Majlis Negeri dan baginda memperkenalkan 'Edict Diraja' (perisytiharan diraja) dikuatkuasakan pada 23 Julai 1905. Majlis Negeri merupakan badan perundangan di negeri ini. Melalui badan perundangan ini, peranan Raja Muda turut dipertingkatkan. Ketika itu jawatan tersebut dipegang oleh Tunku Abdul Aziz ibni Sultan Ahmad Tajuddin yang bertindak sebagai Presiden. Ahli-ahlinya ialah Penasihat Kewangan Siam (G.C. Hart), Setiausaha Sultan (Md. Ariffin), Ketua Hakim (Haji Ahmad), dan Bendahari Negeri (Syed Abdullah al-Mahdali). Pada tahun 1908, ditambah seorang lagi, Pengarah Tanah (Syed Hassan) sebagai ahlinya. Pembentukan Majlis Negeri ini wujud semasa Kedah dalam naungan Siam dan berperanan bagi membolehkan Siam memantau hal pentadbiran Kedah terutama hal ehwal kewangan negeri melalui penasihatnya bagi memastikan pinjaman kewangan dapat dibayar dengan lancar. Begitu juga majlis ini terus wujud hingga zaman British.

D. FAKTOR TAMADUN AWAL

Faktor seterusnya ialah sungai dan penempatan manusia di kawasan persekitarannya. Salah satu sungai yang menghubungkan Perak dan Kedah ialah sungai Kerian. Sungai Kerian yang dianggap sebagai garisan persempadanan antara dua negeri ini. Ini bertepatan dengan dakwaan yang menyatakan bahawa tamadun awal manusia sentiasa bermula dari lembangan sungai seperti tamadun Mesopotamia bermula di lembah Sungai Tigris dan Euphrates, tamadun Mesir Purba di lembah Sungai Nil, tamadun Indus di lembah Sungai Indus dan tamadun Hwang Ho di lembah Sungai Hwang Ho. Menurut Malim Ghazali (2011), pertempatan dan sungai sememangnya akrab. Di tebing sungai lah masyarakat terdahulu membangunkan kampung halaman. Malahan, di tebing dan muara-muara sungai jugalah muncul pekan-pekan dan bandar-bandar terawal seperti Bandar Baharu, Kulim, Larut, Matang dan Selama.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan terhadap variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah yang dikaji, iaitu 'punggung' dan 'kerbau', penulis dapat menjanakan sebuah peta isoglos baru yang lebih bersifat saintifik dengan berbantuan aplikasi GIS. Isoglos merupakan sempadan yang memisahkan daerah-daerah bahasa atau dialek yang berbeza dari segi ciri bahasa atau dialek tertentu seperti item leksikal atau penyebutan perkataan tertentu dan sebagainya (Chamber dan Trudgill, 1980). Dengan kata mudahnya, isoglos merupakan lorekan sempadan dialek atau sub dialek di sesuatu kawasan yang boleh merentasi sempadan dialek atau sub dialek di sesuatu kawasan yang boleh merentasi sempadan politik dengan kawasan yang lain sama ada yang mungkin ada sedikit perbezaan dari segi penggunaan leksikal atau sebutannya. Maka, penghasilan isoglos baru ini dilihat dapat menambah baik isoglos yang dihasilkan oleh pengkaji lepas dan seterusnya dapat memaparkan senario penyebaran dialek Melayu di negeri Kedah dengan lebih tepat dan meyakinkan pembaca. Jadi, berdasarkan data yang diperolehi daripada lapangan, penulis dapat menganalisis dan menghuraikan setiap perilaku leksikal yang dikaji iaitu 'punggung' dan 'kerbau' dalam satu pemetaan isoglos yang baru seperti peta di bawah.



Peta 3: Peta Isoglos Baru Negeri Kedah

Berdasarkan peta isoglos 3, penulis dapat mengelompokkan dialek atau sub dialek yang dituturkan oleh penduduk di Kedah sebanyak empat dialek dan dua sub dialek Melayu. Antaranya ialah dialek Melayu Perak, sub dialek Kedah Utara, sub dialek Kedah Persisiran, dialek Siam, dialek Patani Baling dan dialek Patani Sik. Kesemua dialek ini ditemui dalam kalangan penduduk di 11 daerah dalam negeri Kedah. Penyebaran leksikal bagi dialek dan sub dialek ini dilihat tidak terbatas kepada satu-satu tempat atau kawasan sahaja. Hal ini kerana, ia boleh merentasi sempadan politik, daerah, mukim dan juga kampung.

Dialek Melayu Perak misalnya telah memperlihatkan penyebarannya di dalam daerah Bandar Baharu. Hal ini dapat diperlihatkan melalui kewujudan varian [kɔbɔ] bagi leksikal 'kerbau' yang dominan digunakan oleh penduduk kampung dalam daerah tersebut. Manakala, sub dialek Melayu Kedah Persisiran menunjukkan penyebarannya dari kawasan bersempadan dengan daerah Bandar Baharu atau daerah Kulim sehingga ke daerah Kota Setar. Antara daerah yang meliputi sub dialek Melayu Kedah Persisiran ini ialah Kulim, Yan, Pendang, Kota Setar dan Kuala Muda. Hal ini dapat dibuktikan melalui penemuan varian [pɔŋkɔŋ], [ajɔŋ] dan [kɔbɔ] yang dilihat dominan digunakan oleh penutur atau penduduk di kawasan ini. Bagi sub dialek Melayu Kedah Utara pula, penulis mendapati dialek ini tersebar di bahagian Padang Terap dan di daerah Kubang Pasu serta kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Ini dapat dilihat melalui penemuan varian sub dialek ini iaitu [ajɔŋ], [kɔbɔw] dan [ɔʒubɔŋ] yang banyak dijumpai dalam sub kawasan atau kampung di daerah ini.

Bagi dialek Patani Baling pula memperlihatkan penyebarannya di sekitar perkampungan dalam kawasan Baling. Begitu juga dengan dialek Patani Sik yang dilihat dominan penggunaannya di daerah Sik. Ini adalah disebabkan beberapa faktor yang telah membuka ruang kepada kemasukan dan penyebaran dialek Patani di daerah tersebut, antaranya ialah faktor geografi, iaitu kedudukan Sik dan Baling yang berhampiran atau berdekatan dengan Selatan Thai. Malah, faktor bukan linguistik juga dilihat turut menjadi pengaruh kepada penyebaran dialek Patani ini seperti faktor sejarah dan migrasi. Manakala di sebahagian kampung dalam daerah Kubang Pasu, penulis turut menemui kewujudan dialek Siam atau Thai melalui varian [wAj], [kHwAj] dan [nAm].

PENGHARGAAN

Kajian ini dihasilkan di bawah Geran Penyelidikan Khas Top Down UKM: Bahasa Melayu: GPK-PBM-2020-025.

RUJUKAN

- Ajib Che Kob (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Asmah Hj. Omar (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ayatrohardi (1979). *Dialektologi: sebuah pengantar*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa: Jakarta.
- Bonney, R. (1971). *Kedah, 1771-1821 : the search for security and independence*. Oxford University Press: UK.
- Cheewinsiriwat, P. (2011). The use of GIS in exploring settlement patterns of the ethnic groups in Nan, Thailand. Dlm. The Asian Conference on Arts and Humanities Official Conference Proceedings 2011, Osaka, Japan.
- Chamber, J. K., & Peter Trudgill. (1990). *Dialektolgi (Penterjemah: Anuar Ayub)*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Collins, J. T. (1996). *Dialek ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Depkes, RI. (2009). *Sistem kesehatan nasional*. Jakarta: Departemen Kesehatan Rijkakarta.
- Harun Mat Piah. (1969/70). Sistem bunyi dialek Rawa yang dituturkan dalam daerah Gopeng, Perak. Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Dahaman. (1997). *Glosari dialek Kedah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1988). *Peradaban Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar.
- Ismail Hussein. (1973). The Malay Dialects in The Malay Peninsula. *Nusantara*, 3, 63- 79.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1991). *Sejarah Thai zaman Bangkok*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Maizatul Hafizah. (2016). Variasi leksikal dialek di Langkawi: analisis geolinguistik. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malim Ghazali. (2011). *Tamadun Awal Melayu*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mario, A. P. & Gaynor, F. (1960). *A dictionary of linguistics*. Adam & co: New Jersey.
- Meillet, A. (1967). *Comparative Method in Historical Linguistics*. Adler's Foreign Books: Evanston.
- Mohd Isa Othman. 1999. Gerakan protes dalam perspektif sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Muhd. Yusuf Hashim. 1980. *Syair sultan maulana: suatu penelitian kritis tentang hasil pensejarahan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Mustaffa Omar & Mokhtar Jaafar (2013). Lexical variation and distribution in Perak Malay: A Gis approach. Paper presented at Southeast Asian Linguistics Conference, Bangkok 29-31 May.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran dialek Patani di Perak: analisis geolinguistik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi, Norlisafina Sanit. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Perak: Analisis geographical information system (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran Dialek Melayu Di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies* 17(4): 59-178.
- Nuwairi (2003). Dialek: taburannya di negeri Perak daripada perspektif dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu*, 13, 88-99.
- Onishi, T. (2010). Analyzing dialectological distributions of Japanese. *Dialectologia Journal*, 1, 123-135.
- Rohani Mohd Yusof. (1986). Dialek geografi Kuala Kangsar: satu kajian perbandingan fonologi. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Teeraroanarat, S dan Tigsabadh, K. (2011). A GIS-based approach for dialect boundary studies. *Jurnal Dialectologia of Universitat de Barcelona*, 6, 55-75.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese*. Universiti Malaya Press: Kuala Lumpur.

Fazal Mohammed Mohammed Sultan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.
Emel: fazal@ukm.edu.my

Lam Kuok Choy
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.
Emel: lam@ukm.edu.my

Al-Amril Othman
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia.
Emel: amril@ukm.edu.my

Amir Imran bin Jamil
Sime Darby, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Emel: ameimran0308@gmail.com